

**NYALA RASA KEPIMPINAN DIGITAL PEMIMPIN SEKOLAH: SATU SINTESIS
KONSEPTUAL BERASASKAN *DUALISTIC MODEL OF PASSION*****DIGITAL LEADERSHIP PASSION OF SCHOOL LEADERS: A CONCEPTUAL
SYNTHESIS BASED ON THE DUALISTIC MODEL OF PASSION****Mohd Faiz Mohd Baharan¹*****Mahaliza Mansor¹****Khalip Musa¹****Nik Mohd Fazreen Shah Azman Shah²**

[1] Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Tanjong Malim, Perak

[2] Kementerian Pendidikan Malaysia

mahaliza@fpe.upsi.edu.myArticle History*

Received: 1 May 2026

Accepted: 11 May 2026

Published online: 30 June 2026

ABSTRACT

Digital education requires school leaders not only to master technology but also to lead educational transformation in strategic, ethical, and sustainable ways. However, the digital leadership literature has largely focused on observable competencies, standards, and practices, while the inner drive that sustains leaders' commitment to digital transformation remains conceptually underexplored. In the Malaysian context, the discourse of Nyala Rasa Guru offers an important lens for re-examining the role of passion, idealism, and professional identity in educational reform. In response, this article is presented as a conceptual paper developed through theory synthesis, with an element of model building, to propose the concept of digital leadership passion among school leaders. The literature was identified through a directed search of Scopus, ProQuest, and EBSCOhost, complemented by relevant Malaysian policy and standards documents. The selected sources were then analysed through thematic synthesis to identify major themes and to integrate the theoretical relationships among the Dualistic Model of Passion, the discourse of Nyala Rasa, and the literature on school leaders' digital leadership. The synthesis shows that digital leadership passion refers to a deep, enduring, and meaningful inner drive rooted in values, professional identity, and educational commitment, enabling school leaders to lead digitalisation in humane, disciplined, and quality-oriented ways. The article argues that leaders' inner drive deserves explicit recognition within digital leadership theory and opens a future research agenda related to operational definition, instrument development, and empirical testing in school contexts.

Keywords: *Digital leadership, passion, Dualistic Model of Passion, school leaders, digital education transformation.*

PENDAHULUAN

Pendidikan secara umum diiktiraf sebagai pemangkin utama pembangunan insan dan kemajuan negara kerana perannya membentuk ilmu, kemahiran, nilai dan jati diri generasi masa depan. Dalam kerangka

ini, kepimpinan sekolah menjadi faktor penting kerana pemimpin sekolah bukan sahaja mengurus organisasi, tetapi turut mempengaruhi kualiti pengajaran, budaya profesional guru dan pembelajaran murid. Leithwood et al. (2020) menunjukkan bahawa kepimpinan sekolah mempengaruhi pembelajaran murid melalui laluan yang berkait dengan kapasiti organisasi, keadaan emosi serta proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kedudukan pengetua atau guru besar tidak boleh dilihat sekadar sebagai pentadbir rutin, sebaliknya sebagai penggerak utama yang menentukan sama ada agenda pembaharuan pendidikan benar-benar diterjemahkan dalam amalan sekolah atau kekal sebagai retorik dasar.

Keperluan ini menjadi semakin mendesak apabila landskap pendidikan berubah pantas akibat pendigitalan, perkembangan ekosistem data dan kemunculan kecerdasan buatan. OECD (2023) menegaskan bahawa sistem pendidikan masa kini memerlukan ekosistem pendidikan digital yang berkesan, boleh dipercayai, berguna dan saksama, bukan sekadar penggunaan teknologi secara terpisah. Dalam konteks Malaysia, keperluan tersebut diterjemahkan melalui Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang menghuraikan empat objektif pendidikan digital yang disokong oleh enam teras, lapan belas strategi dan empat puluh satu inisiatif untuk murid, pendidik, pemimpin pendidikan dan pihak berkepentingan. Pada masa sama, hala tuju reformasi semasa KPM melalui Pelan Strategik KPM 2024–2030 (PSKPM 2024-2030) dan dokumen reformasi pendidikan negara bagi tempoh 2026–2035 menunjukkan bahawa transformasi pendidikan negara semakin rapat dengan isu mutu, ekuiti, kesejahteraan serta cabaran teknologi termasuk AI.

Dalam suasana ini, peranan pemimpin sekolah turut berubah daripada pengurus sumber kepada pemimpin digital yang perlu membina visi, menetapkan hala tuju strategik, memperkasa guru, memimpin inovasi dan memastikan penggunaan teknologi dilaksanakan secara beretika serta berfokuskan pembelajaran. Keperluan ini selari dengan KOMPAS 2.0 yang menekankan domain berwawasan, instruksional, sumber, operasi, kualiti peribadi kepimpinan dan hubungan, termasuk elemen integriti, pengurusan data, pembangunan sumber manusia, penetapan strategik dan pembudayaan ekosistem digital (Institut Aminuddin Baki, 2021). Pada masa sama, SKPM Kualiti@Sekolah (SK@S) menuntut penilaian sendiri sekolah dilaksanakan secara menyeluruh, berintegriti dan berterusan agar status sebenar sekolah dapat dikenal pasti serta ditambah baik secara sistematik (Jemaah Nazir, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa kepimpinan digital di sekolah bukan hanya berkait dengan inovasi teknologi, tetapi juga disiplin pelaksanaan, akauntabiliti organisasi dan kualiti sekolah.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar literatur kepimpinan digital masih menumpukan kepada kompetensi, amalan dan standard kepimpinan yang dapat diperhatikan, sedangkan dimensi dorongan dalaman yang menghidupkan komitmen pemimpin untuk memimpin transformasi digital secara konsisten masih kurang diberi perhatian. AlAjmi (2022) menunjukkan bahawa kepimpinan digital pengetua mempunyai kesan positif terhadap integrasi teknologi guru. Dalam konteks yang lebih terkini, Zeng et al. (2025) menunjukkan bahawa kepimpinan digital pengetua mempengaruhi keupayaan guru mengintegrasikan AI melalui pembangunan profesional, sokongan organisasi, budaya sekolah dan bimbingan etika. Di Malaysia, Hamzah et al. (2025) menegaskan bahawa pemimpin sekolah berhadapan cabaran teknikal, budaya, kewangan dan keselamatan digital yang kompleks, sekali gus menunjukkan kejayaan transformasi digital tidak bergantung pada prasarana semata-mata. Namun, persoalan yang masih belum diuraikan secara mendalam ialah mengapa sesetengah pemimpin mampu memimpin perubahan digital dengan komitmen tinggi, sedangkan yang lain hanya melaksanakannya pada tahap pematuhan minimum.

Dalam konteks pendidikan Malaysia, persoalan ini menjadi lebih signifikan apabila dibaca bersama wacana Nyala Rasa Guru yang diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dalam Perutusan Hari Guru 2025, KPM menegaskan bahawa tema Guru Pemacu Reformasi Pendidikan mengadunkan nyala rasa guru dengan roh reformasi bagi mencetuskan pembaharuan dalam pendidikan,

termasuk keperluan mereformasikan pedagogi, membangunkan inisiatif pembelajaran era digital dan mengekalkan nilai manusiawi dalam pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025). Wacana ini penting kerana ia menunjukkan reformasi pendidikan tidak dilihat hanya dari sudut struktur dan sistem tetapi juga dari sudut semangat, idealisme, keterujaan dan hati nurani warga pendidikan. Dengan kata lain, transformasi digital yang sebenar menuntut bukan sahaja kebolehan teknikal tetapi juga kekuatan dalaman yang mampu menggerakkan pemimpin sekolah untuk memimpin perubahan secara sepadu, berdisiplin dan berdaya maju.

Di sinilah *Dualistic Model of Passion* (DMP) yang dipelopori oleh Vallerand menjadi relevan sebagai asas teori untuk memahami dimensi dalaman tersebut. Vallerand (2008, 2015) mentakrifkan *passion* sebagai kecenderungan kuat terhadap aktiviti yang dicintai, dihargai dan dijadikan sebahagian daripada identiti diri, manakala Curran et al. (2015) menunjukkan melalui meta-analisis bahawa *harmonious passion* lebih konsisten dikaitkan dengan emosi positif, penglibatan dan prestasi mampan berbanding *obsessive passion*. Berasaskan kerangka ini, artikel ini berhujah bahawa nyala rasa kepimpinan digital wajar diposisikan sebagai satu konstruk psikologi konseptual yang berakar pada nilai, identiti profesional dan komitmen pendidikan pemimpin sekolah. Dalam artikel ini, konstruk tersebut ditafsirkan sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital, khususnya apabila pemimpin sekolah bukan sekadar menerima penggunaan digital, tetapi bangun memimpin transformasi pendidikan digital secara strategik, manusiawi, beretika dan lestari. Oleh itu, pendahuluan ini meletakkan asas kepada hujah utama artikel, iaitu variasi dalam amalan kepimpinan digital tidak dapat difahami sepenuhnya tanpa meneliti dorongan dalaman yang menjadi penggerakannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Bertitik tolak daripada keperluan memahami dimensi dalaman yang mendorong komitmen pemimpin sekolah terhadap transformasi pendidikan digital, artikel ini digubal dengan tiga objektif utama. Objektif-objektif ini disusun bagi membolehkan artikel bergerak lebih fokus daripada pengenalan jurang literatur, kepada pembinaan hujah konseptual, seterusnya kepada cadangan agenda penyelidikan yang lebih sistematik dan bermakna. Wacana Nyala Rasa Guru dalam reformasi pendidikan Malaysia turut menguatkan keperluan meneliti semula hubungan antara semangat, nilai, identiti profesional dan kepimpinan pendidikan dalam era digital.

- i. Mensintesis *Dualistic Model of Passion*, wacana nyala rasa dan literatur kepimpinan digital pemimpin sekolah;
- ii. Mencadangkan nyala rasa kepimpinan digital pemimpin sekolah sebagai konstruk psikologi konseptual yang berfungsi sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital; dan
- iii. Mengemukakan implikasi teoretikal dan cadangan kajian lanjutan untuk mengoperasikan serta menguji peranan nyala rasa kepimpinan digital dalam hubungannya dengan amalan kepimpinan digital, budaya organisasi digital dan keberhasilan sekolah.

SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian ini berasaskan tiga landasan utama, iaitu teori *passion* melalui DMP, perkembangan literatur kepimpinan digital pemimpin sekolah, dan jurang konseptual antara kedua-dua tradisi tersebut. Susunan ini penting kerana konsep nyala rasa kepimpinan digital yang dicadangkan dalam artikel ini tidak lahir secara terpisah, sebaliknya dibangunkan melalui sintesis antara asas psikologi motivasi dengan keperluan kepimpinan pendidikan dalam era digital. Pendekatan ini menjadikan sorotan kajian bukan sekadar menghimpunkan dapatan lampau, tetapi berfungsi untuk menjelaskan mengapa dimensi dalaman pemimpin sekolah perlu diberi perhatian serius dalam perbincangan tentang transformasi pendidikan digital.

Dari sudut teori, DMP yang dipelopori oleh Vallerand (2008, 2010, 2015) menjelaskan bahawa *passion* adalah kecenderungan kuat terhadap sesuatu aktiviti yang dicintai, dianggap penting, dilaburkan masa dan tenaga, serta akhirnya menjadi sebahagian daripada identiti individu. Dalam model ini, aktiviti bernilai tersebut diinternalisasikan ke dalam identiti melalui dua laluan berbeza, iaitu internalisasi autonomi yang melahirkan *harmonious passion* dan internalisasi terkawal yang melahirkan *obsessive passion*. Vallerand (2008, 2010, 2015) menerangkan bahawa *harmonious passion* membolehkan individu terlibat secara sukarela, mengekalkan keseimbangan dengan aspek kehidupan lain dan memperoleh hasil yang lebih positif seperti fokus, emosi positif dan penyesuaian yang baik. Sebaliknya, *obsessive passion* lahir daripada tekanan dalaman atau luaran yang mewujudkan dorongan sukar dikawal, seterusnya meningkatkan kecenderungan terhadap konflik, ruminasi dan ketekunan yang kaku.

Meta-analisis oleh Curran et al. (2015) mengukuhkan kerangka ini apabila menunjukkan bahawa *harmonious passion* lebih konsisten dikaitkan dengan hasil intrapersonal yang positif, manakala *obsessive passion* lebih cenderung dikaitkan dengan hasil yang kurang adaptif. Jika diterjemahkan dalam konteks kepimpinan digital, *obsessive passion* berisiko mendorong pemimpin sekolah melaksanakan arahan teknologi semata-mata demi memenuhi desakan luaran atau indeks petunjuk prestasi (KPI). Keadaan ini berpotensi mewujudkan budaya pematuhan yang semberono, di mana teknologi digunakan secara paksaan tanpa mengambil kira kesediaan emosi dan kemahiran guru, yang akhirnya mencetuskan penentangan dan menjejaskan kesejahteraan ekosistem sekolah. Dalam konteks pendidikan, kajian Chichekian et al. (2023) dan Gilal et al. (2019) menunjukkan bahawa *passion* dalam kalangan pendidik boleh dipindahkan melalui emosi dan proses *emotional contagion*, sekali gus menguatkan hujah bahawa dimensi dalaman ini sangat relevan dalam domain pendidikan. Dengan demikian, DMP menyediakan asas teori yang kukuh untuk memahami bahawa dorongan dalaman terhadap sesuatu misi pendidikan bukan sekadar soal minat tetapi berkait rapat dengan nilai, identiti, keseimbangan dan cara seseorang mengekalkan komitmen secara berterusan.

Namun, apabila diteliti dalam konteks kepimpinan sekolah, penggunaan teori *passion* masih sangat terhad. Literatur pendidikan banyak menjelaskan bagaimana pemimpin mempengaruhi iklim sekolah, komitmen guru dan keberhasilan murid, tetapi perhatian terhadap konstruk psikologi seperti *passion* atau nyala rasa dalam kalangan pemimpin sekolah masih belum berkembang secara memadai. Keadaan ini mewujudkan ruang konseptual yang penting, khususnya apabila sekolah berhadapan tekanan perubahan yang semakin kompleks. Dalam konteks transformasi digital, persoalan tentang apa yang menggerakkan pemimpin untuk terus memimpin perubahan, mengekalkan komitmen, mengurus ketegangan dan membina budaya inovasi secara berterusan masih belum dihuraikan secara mendalam melalui kerangka psikologi yang mantap. Oleh itu, DMP berpotensi besar untuk diperluas daripada domain individu dan guru kepada domain kepimpinan sekolah.

Dalam domain kepimpinan digital, evolusi konsep menunjukkan peralihan yang jelas daripada *technology leadership* dan *ICT leadership* kepada *digital leadership* yang lebih menyeluruh. Anderson dan Dexter (2005) antara yang terawal menegaskan bahawa keberkesanan integrasi teknologi di sekolah sangat dipengaruhi oleh tahap kepimpinan teknologi pengetua, khususnya dari segi visi, kemudahan, sokongan dan penyelarasan. Perkembangan ini kemudiannya diperkukuh oleh Sheninger (2014), yang menghujahkan bahawa pemimpin sekolah perlu berfungsi sebagai pembina visi digital, penggerak budaya inovasi dan agen perubahan pembelajaran dalam ekosistem digital. Selari dengan itu, International Society for Technology in Education (ISTE) (2018) turut menggariskan bahawa pemimpin sekolah perlu menjadi pemimpin visi, pembina budaya pembelajaran digital, pemudah cara pembangunan profesional dan pemangkin kewarganegaraan digital. Sorotan ini menunjukkan bahawa literatur kepimpinan digital telah berkembang daripada penekanan kepada penggunaan ICT kepada kerangka yang melihat kepimpinan digital sebagai gabungan strategi, budaya, etika dan pembelajaran organisasi.

Kajian empirikal terkini mengukuhkan lagi kepentingan kepimpinan digital dalam konteks sekolah. AlAjmi (2022) mendapati bahawa semasa pandemik COVID-19 di Kuwait, kepimpinan digital pengetua yang jelas dari segi visi, sokongan dan pemantauan telah meningkatkan penggunaan teknologi dalam PdP guru. Rasdiana et al. (2024) pula menunjukkan bahawa kepimpinan digital menyumbang kepada kemahiran inovasi guru bagi integrasi teknologi lestari dengan komuniti pembelajaran profesional bertindak sebagai pengantara penting. Dalam konteks AI, Zeng et al. (2025) menegaskan bahawa pengaruh kepimpinan digital pengetua terhadap kompetensi guru dalam mengintegrasikan AI tidak berlaku secara langsung sahaja tetapi bergantung pada latihan, budaya sekolah, kolaborasi guru dan bimbingan etika. Dapatan ini menunjukkan bahawa kepimpinan digital bukan sekadar soal kemahiran teknologi tetapi berkait rapat dengan keupayaan pemimpin menggerakkan manusia, budaya dan sokongan organisasi secara serentak.

Dalam konteks Malaysia, literatur kepimpinan digital semakin berkembang, namun masih memberi tumpuan utama kepada kompetensi, tahap amalan dan keperluan model. Goh dan Mansor (2024) melaporkan amalan kepimpinan digital pemimpin sekolah berada pada tahap sederhana hingga tinggi, dipengaruhi faktor seperti infrastruktur, latihan dan budaya sekolah. Kajian Goh (2025) terhadap *middle leaders* menunjukkan kepimpinan digital perlu difahami dalam ekosistem sekolah yang lebih luas, bukan hanya pada peringkat pengetua. Sementara itu, Hamzah et al. (2025) melalui analisis keperluan dan pendekatan Fuzzy Delphi menunjukkan model kompetensi kepimpinan digital pengetua di Malaysia perlu merangkumi bukan sahaja kompetensi tugas dan organisasi, tetapi juga dimensi keberanian mengambil risiko, ketahanan digital, etika dan pengurusan data. Kesemua dapatan ini penting kerana menunjukkan konteks Malaysia sudah mempunyai asas kukuh untuk membincangkan kepimpinan digital, namun perbincangan masih cenderung bertumpu pada “apa yang pemimpin perlu tahu dan lakukan”, bukannya “apa yang menggerakkan pemimpin untuk terus memimpin perubahan digital.”

Sorotan kajian ini menunjukkan jurang konseptual yang jelas. Literatur tentang DMP dan *passion* telah berkembang dalam bidang psikologi dan pendidikan, namun kebanyakannya tertumpu kepada pelajar, guru dan individu dalam konteks umum. Sebaliknya, literatur kepimpinan digital sekolah semakin kaya dengan perbincangan tentang kompetensi, standard, amalan dan model, tetapi masih kurang meneliti dorongan dalaman yang menjelaskan mengapa sesetengah pemimpin sekolah mampu memimpin transformasi digital secara konsisten, beretika dan berdaya tahan walaupun berhadapan pelbagai kekangan. Dalam konteks Malaysia, wacana Nyala Rasa Guru yang diketengahkan oleh KPM membuka ruang bernilai untuk memahami semula hubungan antara semangat, idealisme, nilai dan reformasi pendidikan, namun wacana tersebut masih belum diterjemahkan secara sistematik kepada kerangka teori khusus untuk pemimpin sekolah. Justeru, artikel ini memposisikan nyala rasa kepimpinan digital sebagai satu konstruk psikologi konseptual yang dapat mengisi jurang tersebut, sekali gus menjelaskan dimensi dalaman di sebalik amalan kepimpinan digital pemimpin sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Artikel ini merupakan kertas konseptual yang dibangunkan melalui pendekatan sintesis teori dengan unsur pembinaan model. Pendekatan ini dipilih kerana tujuan utama artikel bukan untuk menghasilkan data empirikal baharu, tetapi untuk menghimpun, menilai dan mengintegrasikan literatur sedia ada bagi membina hujah konseptual yang lebih jelas tentang nyala rasa kepimpinan digital pemimpin sekolah. Selaras dengan pandangan Jaakkola (2020), kertas konseptual yang kukuh perlu menjelaskan asas reka bentuk konseptual, rasional pemilihan teori dan bentuk sumbangan ilmiah yang dihasilkan. Dalam konteks artikel ini, tumpuan diberikan kepada sintesis antara tiga aliran utama, iaitu DMP, wacana nyala rasa dalam pendidikan dan literatur kepimpinan digital pemimpin sekolah. Gabungan ketiga-tiga aliran ini digunakan untuk membangunkan nyala rasa kepimpinan digital sebagai konstruk psikologi

konseptual yang berfungsi sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital.

Strategi Pencarian Literatur

Pencarian literatur dilakukan secara terarah mengikut kesesuaian dengan fokus konseptual artikel. Sumber dikenal pasti melalui tiga pangkalan data akademik utama, iaitu Scopus, ProQuest dan EBSCOhost, serta dokumen dasar, standard dan amanat pendidikan Malaysia yang berkaitan langsung dengan transformasi pendidikan digital. Pemilihan ketiga-tiga pangkalan data ini berdasarkan keluasan liputan, sifat saling melengkapi dan kesesuaiannya dengan bidang pendidikan, kepimpinan dan transformasi digital. Scopus menawarkan liputan luas terhadap artikel jurnal berwasit, manakala ProQuest dan EBSCOhost melengkapkan pencarian melalui akses kepada literatur pendidikan, pengurusan pendidikan dan sains sosial yang relevan dengan konteks sekolah dan kepimpinan. Walaupun pangkalan data seperti Web of Science dan ERIC lazim digunakan dalam sorotan literatur pendidikan, kajian ini menumpukan kepada Scopus, ProQuest dan EBSCOhost kerana ketiga-tiganya menyediakan liputan yang memadai, relevan dan boleh diakses secara langsung untuk tujuan pencarian, penyaringan dan penilaian sumber dalam konteks kajian ini. Dari segi sempadan literatur, artikel ini mengutamakan karya asas yang membentuk DMP dan konsep passion, serta kajian mutakhir sekitar tahun 2021 hingga 2026 berkaitan kepimpinan digital, transformasi digital sekolah dan kecerdasan buatan dalam pendidikan. Untuk memperjelas strategi pencarian yang digunakan, Jadual 4.1 merumuskan pangkalan data, fokus carian, kata kunci utama, bahasa dan tempoh literatur yang dijadikan sempadan dalam artikel ini.

Jadual 4.1

Strategi Pencarian Literatur

Sumber	Fokus Carian	Kata Kunci Utama	Bahasa	Tempoh
Scopus	Passion, kepimpinan digital, pemimpin sekolah	TITLE-ABS-KEY (“dualistic model of passion” OR “passion in education” OR “teacher passion”) AND TITLE-ABS-KEY (“digital leadership” OR “school leaders’ digital leadership” OR “principal digital leadership” OR “digital leadership competencies”) AND TITLE-ABS-KEY (school* OR principal* OR “school leader”*)	Inggeris / Melayu	Karya asas teori dan kajian mutakhir 2021–2026
ProQuest	Passion, kepimpinan digital, pemimpin sekolah	(“digital leadership” OR “school leaders’ digital leadership” OR “principal digital leadership”) AND (school* OR principal* OR “school leader”*) AND (education OR educational)	Inggeris	2021–2026
EBSCOhost	Passion, kepimpinan digital, pemimpin sekolah	(“digital leadership” OR “school leaders’ digital leadership” OR “principal digital leadership”) AND (school* OR principal* OR “school leader”*) AND (education OR educational) NOT (university OR universities OR “higher education” OR tertiary)	Inggeris	2021–2026

Sumber Kontekstual	Dasar, standard dan wacana pendidikan Malaysia	“nyala rasa guru”, “Dasar Pendidikan Digital”, “KOMPAS 2.0”, “SKPM Kualiti@Sekolah”, “reformasi pendidikan digital Malaysia”	Melayu / 2021–2026 Inggeris
---------------------------	--	--	--------------------------------

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1, strategi pencarian tidak hanya tertumpu kepada literatur teori dan empirikal antarabangsa, tetapi juga merangkumi dokumen dasar dan standard tempatan yang berkaitan secara langsung dengan konteks reformasi pendidikan Malaysia. Pendekatan ini penting untuk memastikan pembinaan konsep nyala rasa kepimpinan digital berasaskan kerangka teori yang kukuh serta berpijak pada realiti dan keperluan sistem pendidikan negara.

Kriteria Pemilihan Sumber

Pemilihan sumber dilakukan secara purposif dan berpanduan kerelevanan konseptual. Sumber dimasukkan jika memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut. Pertama, sumber membincangkan secara langsung teori passion, khususnya DMP, atau menghuraikan passion dalam konteks pendidikan. Kedua, sumber membincangkan kepimpinan digital pemimpin sekolah sama ada dalam bentuk artikel konseptual, kajian empirikal, model, standard atau kerangka amalan. Ketiga, sumber merupakan dokumen dasar, standard atau wacana pendidikan Malaysia yang berkaitan secara langsung dengan transformasi digital dan nyala rasa. Sebaliknya, sumber yang terlalu umum, tidak berfokus pada konteks sekolah, tidak menyentuh kepimpinan atau pendidikan digital secara langsung, atau tidak menyumbang secara jelas kepada pembinaan hujah utama artikel ini diketepikan. Pendekatan ini memastikan sintesis yang dihasilkan bersifat selektif, fokus dan berorientasikan sumbangan konseptual.

Bagi memperincikan asas pemilihan sumber yang digunakan, Jadual 4.2 menghimpunkan kriteria inklusi dan eksklusi yang memandu penyaringan literatur dalam artikel ini.

Jadual 4.2

Kriteria Inklusi dan Eksklusi

Kriteria	Inklusi	Eksklusi
Jenis sumber	Artikel jurnal, artikel konseptual, kajian empirikal, model, standard dan dokumen dasar rasmi	Sumber umum yang tidak berautoriti, bahan popular serta sumber yang tidak menyumbang kepada pembinaan konsep
Fokus tema	DMP / <i>passion</i> dalam pendidikan, nyala rasa, kepimpinan digital pemimpin sekolah dan transformasi digital sekolah	Kajian yang tidak berkaitan dengan pendidikan sekolah, kepimpinan sekolah atau pendigitalan pendidikan
Konteks	Pendidikan sekolah, kepimpinan sekolah, transformasi digital dan dasar pendidikan Malaysia	Konteks korporat, industri atau teknologi umum tanpa kaitan langsung dengan sekolah
Bahasa	Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu jika tersedia	Bahasa lain yang tidak dapat diakses atau tidak dapat diterjemah secara tepat
Tempoh	Karya asas teori dan kajian mutakhir sekitar 2021–2026	Kajian yang terlalu lapuk dan tidak lagi relevan serta tidak berperanan sebagai asas teori

Sumbangan	Menyumbang secara langsung kepada pembinaan tema, definisi kerja atau integrasi konstruk	Tidak menyumbang secara langsung kepada hujah konseptual artikel
------------------	--	--

Seperti yang dirumuskan dalam Jadual 4.2, pemilihan sumber dalam artikel ini tidak dilakukan secara umum atau longgar, tetapi dipandu oleh sempadan konseptual yang jelas. Hal ini membolehkan literatur yang dipilih benar-benar menyokong pembinaan hujah teori, sekali gus mengelakkan kemasukan sumber yang periferal atau tidak cukup relevan dengan fokus artikel.


Proses Penyaringan dan Penilaian Kelayakan Sumber

Sumber yang dikenal pasti melalui carian awal disaring secara bertahap. Pada peringkat pertama, tajuk, abstrak dan kata kunci diteliti untuk menilai kesesuaian awal dengan skop artikel. Pada peringkat kedua, teks penuh sumber berpotensi dianalisis secara mendalam mengikut kriteria pemilihan yang ditetapkan. Dalam proses ini, penekanan diberikan kepada kejelasan konsep, kekuatan hujah teori, kerelevanan dengan konteks kepimpinan sekolah, dan sumbangan sumber terhadap pembinaan konstruk nyala rasa kepimpinan digital. Oleh itu, pemilihan sumber tidak hanya berasaskan kehadiran istilah tertentu, tetapi juga nilai analitik dan sumbangan teoretikal kepada sintesis keseluruhan.

Untuk menunjukkan aliran pemilihan sumber secara lebih telus, Rajah 4.1 merumuskan proses pengenalpastian, penyaringan, penilaian kelayakan dan pemilihan akhir literatur daripada pangkalan data akademik yang digunakan dalam kajian ini.

Rajah 4.1

Aliran Pengenalpastian, Penyaringan dan Pemilihan Literatur bagi Sintesis Konseptual



Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1, aliran penyaringan dalam artikel ini merujuk khusus kepada literatur yang dikenal pasti melalui pangkalan data akademik. Pada peringkat penilaian kelayakan, 96 rekod unik dinilai melalui semakan abstrak dan, jika perlu, teks penuh untuk menilai kerelevanan

konseptual dengan fokus artikel. Daripada jumlah tersebut, 79 rekod diketepikan kerana tidak menyumbang secara langsung atau memadai kepada pembinaan hujah utama artikel. Selebihnya, 17 sumber akademik teras dikekalkan sebagai asas sintesis akhir, manakala satu dokumen kontekstual tambahan dipilih secara purposif untuk memperkukuh kesepadanan sintesis dengan konteks reformasi pendidikan Malaysia. Jumlah keseluruhan sumber teras yang dimasukkan ke dalam sintesis akhir ialah 18.

Sintesis Tematik dan Pembinaan Konstruk

Sumber yang dipilih dianalisis menggunakan sintesis tematik untuk mengenal pasti pola idea, tema berulang dan hubungan konsep merentasi pelbagai literatur. Selaras dengan Braun dan Clarke (2006), pendekatan ini menumpukan kepada pengenalpastian pola makna yang berulang secara sistematik. Dalam konteks artikel ini, sintesis tematik diterapkan bukan pada data lapangan, tetapi pada sumber teori, kajian empirikal dan dokumen dasar bagi menstruktur serta mentafsir idea yang menyokong pembinaan hujah konseptual. Proses analisis dilaksanakan melalui beberapa langkah utama. Pertama, sumber diklasifikasikan mengikut tiga teras utama artikel, iaitu DMP, nyala rasa dalam pendidikan dan kepimpinan digital pemimpin sekolah. Kedua, kandungan setiap sumber dianalisis untuk mengenal pasti tema utama seperti nilai, identiti profesional, komitmen, visi digital, budaya organisasi digital, etika dan pengurusan perubahan. Ketiga, tema-tema yang dikenal pasti dibandingkan merentasi sumber bagi mengenal pasti titik persamaan, pertindihan dan jurang konseptual. Keempat, tema-tema tersebut diintegrasikan secara teoritikal untuk membentuk definisi kerja, ciri teras dan kedudukan konseptual nyala rasa kepimpinan digital.

Bagi menjelaskan bagaimana tema berkembang menjadi konstruk, artikel ini meletakkan integrasi teori sebagai langkah eksplisit. Tema daripada DMP memberikan asas psikologi, khususnya melalui pembezaan antara *harmonious passion* dan *obsessive passion*. Tema daripada wacana nyala rasa dalam pendidikan menyumbang unsur semangat, idealisme, komitmen dan hati nurani pendidikan. Sementara itu, tema daripada literatur kepimpinan digital memperlihatkan dimensi luaran seperti visi, budaya, sokongan profesional, etika dan pengurusan perubahan. Melalui integrasi ketiga-tiga teras ini, artikel membangunkan nyala rasa kepimpinan digital bukan sekadar metafora motivasi umum, tetapi sebagai konstruk psikologi konseptual yang berfungsi sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital pemimpin sekolah.

Batasan Pendekatan

Walaupun artikel ini dibangunkan melalui prosedur pencarian, pemilihan dan analisis yang terarah, pendekatan yang digunakan kekal sebagai sorotan naratif konseptual dan bukan sorotan sistematik penuh. Oleh itu, sumbangan utama artikel ini terletak pada ketajaman sintesis, kejelasan integrasi teori dan kekuatan pembinaan konstruk, bukannya pada generalisasi empirikal yang muktamad. Namun, pendekatan ini memadai dan sesuai dengan tujuan artikel, iaitu memperluas horizon teori dan membina asas konseptual yang dapat diuji secara empirikal dalam penyelidikan seterusnya.

Dapatan Kajian

Dapatan konseptual artikel ini menunjukkan bahawa apabila literatur *passion*, wacana nyala rasa dalam pendidikan dan literatur kepimpinan digital dibaca secara bersepadu, pemahaman yang lebih tajam dapat dibina tentang dimensi dalaman kepimpinan digital pemimpin sekolah. Sehubungan itu, seksyen ini menghimpunkan tiga dapatan utama sintesis, iaitu penjelasan hubungan antara DMP dengan konteks pendidikan, pengenalpastian sifat asas kepimpinan digital pemimpin sekolah, dan perumusan nyala rasa kepimpinan digital sebagai konstruk psikologi konseptual yang menjadi teras hujah artikel ini. Dengan susunan ini, bahagian dapatan berfungsi untuk menonjolkan hasil sintesis daripada sorotan, bukannya mengulang semula keseluruhan hujah jurang yang telah dibina sebelumnya.

Bagi memudahkan pembaca melihat dengan lebih jelas tema utama yang terhasil daripada sintesis literatur, Jadual 5.1 merumuskan tema teras, rujukan utama dan sumbangannya kepada pembinaan konsep nyala rasa kepimpinan digital pemimpin sekolah.

Jadual 5.1

Ringkasan Tema Sintesis, Inti Dapatan dan Sumbangannya kepada Konsep Nyala Rasa Kepimpinan Digital Pemimpin Sekolah

Tema	Rujukan utama	Sumbangan kepada konsep <i>nyala rasa kepimpinan digital</i>
Dualistic model of passion	Vallerand (2008, 2010, 2015); Curran et al. (2015); Moè (2016)	Menunjukkan bahawa <i>nyala rasa kepimpinan digital</i> lebih hampir kepada <i>harmonious passion</i> , iaitu dorongan yang sihat, seimbang dan berakar pada nilai serta identiti profesional.
Kepimpinan digital pemimpin sekolah	Anderson dan Dexter (2005); Sheninger (2014); ISTE (2018); AlAjmi (2022); Rasdiana et al. (2024); Zeng, Cheah dan Abdullah (2025); Kok Ming dan Mansor (2024); Goh (2025); Hamzah, Mohd Radzi dan Omar (2025)	Menunjukkan bahawa kepimpinan digital bukan sekadar kecekapan teknikal, tetapi melibatkan visi, budaya, sokongan profesional, etika dan pengurusan perubahan yang memerlukan dorongan dalaman.
Nyala rasa dalam pendidikan	Gilal et al. (2019); Chichekian, Vallerand dan Rahimi (2023); Kementerian Pendidikan Malaysia (2025); Azali bin Jumaren et al. (2025)	Menunjukkan bahawa semangat, idealisme, identiti profesional, misi dan komitmen merupakan unsur penting yang membentuk dorongan dalaman dalam perubahan pendidikan.


Seperti yang dirumuskan dalam Jadual 5.1, ketiga-tiga tema utama ini saling melengkapi dan telah diintegrasikan secara konseptual untuk membentuk definisi kerja serta kedudukan konseptual nyala rasa kepimpinan digital pemimpin sekolah sebagai satu konstruk psikologi konseptual yang berfungsi sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital.

Dapatan pertama menunjukkan bahawa DMP menyediakan asas teori yang kukuh untuk mentafsir nyala rasa dalam konteks pendidikan. Vallerand (2008, 2010, 2015) menjelaskan passion sebagai kecenderungan kuat terhadap sesuatu aktiviti yang dicintai, dihargai dan dijadikan sebahagian daripada identiti diri. Dalam model ini, *harmonious passion* merujuk kepada keterikatan yang diinternalisasikan secara autonomi dan seimbang, manakala *obsessive passion* pula merujuk kepada keterikatan yang diinternalisasikan secara terkawal sehingga berpotensi menimbulkan konflik dan tekanan. Dapatan meta-analisis oleh Curran et al. (2015) mengukuhkan bahawa *harmonious passion* lebih konsisten dikaitkan dengan emosi positif, kesejahteraan, penglibatan dan prestasi yang mampan berbanding *obsessive passion*. Dalam konteks pendidikan, Moè (2016) turut menunjukkan bahawa *harmonious passion* dalam kalangan guru berkait rapat dengan kesejahteraan dan kecenderungan melaksanakan amalan pedagogi yang lebih positif. Oleh itu, dapatan ini menegaskan bahawa nyala rasa kepimpinan digital yang diketengahkan dalam artikel ini perlu difahami sebagai bentuk dorongan yang lebih hampir kepada *harmonious passion*, bukannya *obsessive passion* terhadap teknologi atau pencapaian luaran semata-mata.

Dapatan kedua menunjukkan bahawa literatur kepimpinan digital pemimpin sekolah secara konsisten menegaskan kepentingan visi, budaya, sokongan profesional dan bimbingan etika, bukan sekadar kecekapan teknologi. Anderson dan Dexter (2005) antara yang terawal menunjukkan bahawa keberkesanan integrasi teknologi di sekolah sangat dipengaruhi oleh kepimpinan teknologi pengetua. Seterusnya, Sheninger (2014) serta ISTE Standards for Education Leaders (ISTE, 2018) menegaskan bahawa pemimpin sekolah perlu berperanan sebagai pembina visi digital, penggerak budaya inovasi, pemudah cara pembelajaran profesional dan pemangkin kewarganegaraan digital. Dalam kajian empirikal yang lebih mutakhir, AlAjmi (2022) mendapati kepimpinan digital pengetua menyumbang secara signifikan kepada integrasi teknologi guru semasa pandemik COVID-19. Rasdiana et al. (2024) pula menunjukkan kepimpinan digital memberi kesan kepada kemahiran inovasi guru bagi integrasi teknologi lestari, khususnya melalui komuniti pembelajaran profesional. Dalam konteks AI, Zeng et al. (2025) menegaskan pengaruh kepimpinan digital pengetua terhadap keupayaan guru mengintegrasikan kecerdasan buatan dipengaruhi oleh latihan, budaya sekolah, kolaborasi guru dan bimbingan etika. Dalam konteks Malaysia, Goh dan Mansor (2024), Goh (2025), serta Hamzah et al. (2025) menunjukkan bahawa literatur tempatan semakin mengiktiraf kepimpinan digital sebagai bidang penting, namun perbincangannya masih banyak bertumpu pada kompetensi, tahap amalan dan pembinaan model. Oleh itu, dapatan ini menegaskan bahawa dimensi amalan kepimpinan digital sahaja belum memadai tanpa ditafsir bersama unsur dalaman yang menggerakkannya.

Dapatan ketiga, yang menjadi teras artikel ini, menunjukkan bahawa integrasi antara DMP, wacana nyala rasa dan literatur kepimpinan digital membolehkan nyala rasa kepimpinan digital pemimpin sekolah diposisikan dengan lebih jelas sebagai satu konstruk psikologi konseptual. Dalam artikel ini, konstruk tersebut tidak ditafsirkan sebagai sekadar metafora motivasi atau slogan reformasi, tetapi sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital, sekali gus membantu menjelaskan mengapa sesetengah pemimpin sekolah lebih bersedia, konsisten dan bermakna dalam memimpin transformasi digital berbanding yang lain. Berdasarkan sintesis ini, nyala rasa kepimpinan digital boleh ditakrifkan sebagai dorongan mendalam, berterusan dan bermakna yang berakar pada nilai, identiti profesional dan komitmen pendidikan pemimpin sekolah untuk memimpin pendigitalan secara strategik, manusiawi, beretika dan lestari. Konsep ini tidak merujuk kepada minat biasa terhadap penggunaan teknologi, tetapi kepada rasa keperluan, tanggungjawab dan keyakinan moral untuk membangunkan ekosistem pendidikan digital yang lebih sepadu, berdisiplin dan berkualiti. Dalam konteks Malaysia, dapatan ini juga selari dengan wacana Nyala Rasa Guru yang diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2025) sebagai pamacu reformasi pendidikan, termasuk keperluan mereformasikan pedagogi, membangunkan inisiatif pembelajaran era digital dan mengekalkan nilai kemanusiaan dalam pendidikan.

Untuk memperjelas kedudukan konsep yang dicadangkan, Rajah 1 menghimpunkan secara ringkas hubungan konseptual antara passion, nilai dan identiti profesional dengan nyala rasa kepimpinan digital serta implikasinya terhadap amalan kepimpinan digital, budaya organisasi digital dan keberhasilan sekolah. Rajah ini tidak dimaksudkan sebagai model empirik yang telah diuji, tetapi sebagai model konseptual awal yang merumuskan hujah utama artikel ini.

Rajah 1*Model Konseptual Nyala Rasa Kepimpinan Digital Pemimpin Sekolah*

Nota. Dibina oleh penulis berasaskan sintesis Dualistic Model of Passion, wacana Nyala Rasa Guru dan literatur kepimpinan digital pemimpin sekolah.

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, artikel ini memposisikan nyala rasa kepimpinan digital sebagai konstruk psikologi konseptual yang terletak antara dimensi passion yang lebih mendasar dengan amalan kepimpinan digital yang dapat diperhatikan dalam konteks sekolah. Dalam erti kata lain, nyala rasa kepimpinan digital tidak dianggap sama dengan amalan kepimpinan digital, tetapi dihujahkan sebagai dorongan dalaman yang menggerakkan, menghidupkan dan mengekalkan amalan tersebut. Pada masa yang sama, rajah ini menunjukkan bahawa bentuk *passion* yang tidak seimbang, khususnya *obsessive passion*, bukanlah laluan ideal kerana boleh mendorong pelaksanaan digital yang kaku, dangkal atau terlalu berorientasikan pematuhan.

Sintesis ini menunjukkan bahawa nyala rasa kepimpinan digital terzahir melalui beberapa ciri teras, antaranya orientasi yang jelas terhadap misi pendidikan, komitmen terhadap pembelajaran dan inovasi digital, autonomi dan kawalan diri dalam memimpin perubahan, keupayaan membina budaya sokongan dan kolaborasi, kepekaan etika dalam penggunaan teknologi, serta ketahanan untuk meneruskan transformasi walaupun berhadapan kekangan sumber, kemahiran dan tekanan organisasi. Ciri-ciri ini menunjukkan bahawa nyala rasa kepimpinan digital berbeza daripada kefahaman kepimpinan digital yang terlalu teknikal kerana konsep ini menempatkan unsur jiwa, nilai dan identiti profesional sebagai penggerak kepada tindakan kepimpinan. Dengan kata lain, dapatan artikel ini menunjukkan bahawa transformasi digital sekolah yang benar-benar bermakna tidak digerakkan oleh teknologi semata-mata, tetapi oleh pemimpin yang mempunyai dorongan dalaman untuk memimpin perubahan secara sedar, berdisiplin dan berorientasikan keberhasilan. Sehubungan itu, nyala rasa kepimpinan digital dalam artikel ini diposisikan bukan sebagai pengganti kepada amalan kepimpinan digital, tetapi sebagai tenaga dalaman yang mendahului, menghidupkan dan mengekalkan amalan tersebut.

PERBINCANGAN TEORETIKAL DAN IMPLIKASI KONSEPTUAL

Perbincangan teoretikal dan implikasi konseptual dalam artikel ini menunjukkan bahawa konsep nyala rasa kepimpinan digital pemimpin sekolah mempunyai nilai signifikan dalam memperluas literatur kepimpinan digital. Jika kebanyakan penulisan sedia ada lebih menekankan kompetensi, standard,

model dan amalan yang dapat diperhatikan, artikel ini berhujah bahawa transformasi pendidikan digital yang benar-benar bermakna tidak dapat difahami secara memadai tanpa meneliti dimensi dalaman yang menggerakkan tindakan pemimpin sekolah. Dalam hal ini, Vallerand (2008, 2010, 2015) menjelaskan bahawa *passion* bukan sekadar minat biasa, tetapi keterikatan mendalam terhadap aktiviti yang dihargai dan diinternalisasikan sebagai sebahagian daripada identiti diri. Penegasan ini diperkukuh oleh Curran et al. (2015) yang menunjukkan bahawa *harmonious passion* lebih konsisten dikaitkan dengan kesejahteraan, penglibatan dan prestasi mampan. Oleh itu, dapatan artikel ini membawa kepada satu tafsiran penting, iaitu kepimpinan digital yang berkesan tidak harus dilihat semata-mata sebagai hasil keupayaan teknikal atau pematuhan kepada dasar, tetapi juga sebagai manifestasi dorongan yang harmoni, bermakna dan berakar pada misi pendidikan.

Dari sudut teoretikal, hujah ini membuka ruang untuk memperluas penggunaan DMP ke dalam domain kepimpinan sekolah. Sebelum ini, DMP lebih banyak digunakan untuk memahami pengalaman pelajar, guru dan individu dalam pelbagai bidang aktiviti, manakala penerapannya kepada pemimpin sekolah masih sangat terhad. Namun, apabila kerangka ini dibaca bersama konteks kepimpinan pendidikan, satu tafsiran yang lebih bernilai mula muncul. Vallerand (2008, 2015) membezakan antara *harmonious passion* yang lahir daripada internalisasi autonomi dengan *obsessive passion* yang terbina melalui tekanan dalaman atau luaran. Perbezaan ini penting kerana, seperti diujahkan oleh Curran et al. (2015), bentuk *passion* yang harmoni lebih berkait dengan emosi positif dan keterlibatan yang sihat, manakala *passion* yang obsesif cenderung menghasilkan keterikatan yang kaku dan kurang adaptif. Dalam konteks pendidikan, Moè (2016) menunjukkan bahawa *passion* yang harmoni dalam kalangan pendidik berkait dengan kesejahteraan dan amalan profesional yang lebih positif. Justeru, artikel ini tidak melihat transformasi digital sekolah sebagai proses yang digerakkan oleh keterujaan terhadap teknologi semata-mata, tetapi sebagai usaha yang perlu dipandu oleh nilai pendidikan, pertimbangan etika dan keseimbangan profesional.

Pada tahap yang sama, perbincangan ini memperkukuh hujah bahawa nyala rasa kepimpinan digital mempunyai kedudukan yang lebih khusus daripada sekadar menjadi jambatan longgar antara teori *passion* dan literatur kepimpinan digital sekolah. Dalam artikel ini, nyala rasa kepimpinan digital diposisikan sebagai konstruk psikologi konseptual yang berfungsi sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital. Pendirian ini penting kerana ia membantu membezakan konsep yang dicadangkan daripada istilah motivasi umum yang sering digunakan secara longgar dalam perbincangan reformasi pendidikan. Misalnya, Sheninger (2014) menegaskan pemimpin digital perlu membina visi, menggerakkan budaya inovasi dan memimpin perubahan pembelajaran, manakala ISTE (2018) menstrukturkan peranan tersebut melalui standard yang menekankan visi, budaya digital, pembangunan profesional dan kewarganegaraan digital. Kajian empirik oleh AlAjmi (2022) menunjukkan kepimpinan digital pengetua mempengaruhi integrasi teknologi guru, sementara sorotan tematik oleh Zeng et al. (2025) memperlihatkan pengaruh tersebut menjadi semakin kompleks apabila dikaitkan dengan latihan, budaya sekolah, sokongan organisasi dan bimbingan etika dalam konteks AI. Walau bagaimanapun, literatur ini kebanyakannya masih menghuraikan apa yang pemimpin perlu tahu dan lakukan. Artikel ini menambah lapisan tafsiran baharu dengan menghujahkan bahawa nyala rasa kepimpinan digital ialah dorongan dalaman yang menjelaskan mengapa pemimpin sekolah bukan sahaja memahami keperluan pendigitalan, tetapi sanggup memimpin perubahan tersebut secara konsisten, beretika, berdisiplin dan berorientasikan keberhasilan.

Dalam konteks amalan dan dasar pendidikan Malaysia, konsep ini mempunyai implikasi besar kerana ia membantu membaca semula dasar bukan sekadar sebagai dokumen arahan, tetapi sebagai agenda yang memerlukan tenaga kepimpinan dari dalam. Dokumen DPD menegaskan pendidikan digital perlu digerakkan secara menyeluruh melibatkan murid, pendidik, pemimpin pendidikan dan pihak berkepentingan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Dalam arah yang selari, KOMPAS 2.0 yang diterbitkan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) menekankan kompetensi seperti penetapan strategik,

pembudayaan ekosistem digital, pengurusan data, pembangunan sumber manusia dan integriti kepimpinan (Institut Aminuddin Baki, 2021). Jemaah Nazir (2024) pula melalui SK@S menuntut pelaksanaan penilaian sendiri sekolah secara sistematik, berintegriti dan berterusan. Apabila dibaca bersama pelan strategik dan agenda reformasi pendidikan semasa KPM, jelas bahawa pendidikan digital, mutu, kesejahteraan dan cabaran teknologi termasuk AI telah menjadi sebahagian daripada hala tuju strategik sistem pendidikan negara. Dalam kerangka ini, nyala rasa kepimpinan digital boleh difahami sebagai unsur penggerak yang membantu menterjemahkan dasar, standard dan strategi tersebut kepada tindakan kepimpinan yang lebih bernyawa, bukannya sekadar pematuhan prosedural atau pelaksanaan bersifat kosmetik.

Berdasarkan perbincangan tersebut, artikel ini mengemukakan beberapa implikasi teoretikal, implikasi amalan dan agenda penyelidikan lanjutan. Oleh kerana nyala rasa kepimpinan digital diposisikan sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital, keperluan untuk mengoperasikan, mengukur dan menguji konstruk ini menjadi lebih jelas dari sudut teori dan metodologi. Dari sudut penyelidikan, usaha seterusnya perlu menumpukan kepada pembinaan definisi operasional yang mantap, pengenalpastian indikator yang jelas dan pembangunan instrumen yang sesuai dengan konteks pemimpin sekolah. Dalam hal ini, dapatan Hamzah et al. (2025) tentang keperluan model kompetensi kepimpinan digital pengetua di Malaysia boleh menjadi asas penting untuk memperhalus pembinaan indikator, manakala kajian Rasdiana et al. (2024) dan sorotan oleh Zeng et al. (2025) menunjukkan bahawa kepimpinan digital berkait rapat dengan budaya profesional, sokongan organisasi, integrasi inovasi dan bimbingan etika. Sebagai titik mula yang lebih praktikal, pengkaji akan datang boleh mempertimbangkan untuk mengadaptasi instrumen *The Passion Scale* yang dibangunkan oleh Vallerand, dan menyepadukannya bersama indikator kompetensi kepimpinan digital tempatan seperti KOMPAS 2.0. Inisiatif ini dapat mempercepatkan pembinaan instrumen pengukur empirikal yang sah dan kebolehpercayaannya teruji khusus untuk menilai tahap nyala rasa kepimpinan digital. Oleh itu, kajian kuantitatif pada masa hadapan boleh menguji hubungan antara nyala rasa kepimpinan digital dengan amalan kepimpinan digital, budaya organisasi digital dan keberhasilan sekolah, manakala kajian kualitatif pula boleh meneroka pengalaman hidup pemimpin sekolah yang mempamerkan nyala rasa dalam memimpin transformasi digital. Dari sudut amalan, program pembangunan profesional pemimpin sekolah wajar melangkaui latihan teknikal semata-mata dengan memasukkan dimensi refleksi nilai, identiti profesional, pertimbangan etika, ketahanan emosi dan orientasi misi pendidikan agar transformasi digital yang berlaku benar-benar berakar pada budaya sekolah yang bermakna dan lestari.

Selain itu, konsep nyala rasa kepimpinan digital juga mempunyai sumbangan yang lebih luas terhadap perbincangan reformasi pendidikan. Wacana Nyala Rasa Guru yang diketengahkan oleh KPM menekankan bahawa reformasi pendidikan tidak dapat dipisahkan daripada semangat, idealisme dan keberanian untuk memperbaharui pedagogi serta menghadapi cabaran zaman secara manusiawi. Apabila idea ini diperluas ke domain kepimpinan sekolah, nyala rasa kepimpinan digital dapat difahami sebagai bentuk komitmen dalaman yang mendorong pemimpin bukan sekadar menyesuaikan diri dengan perubahan digital, tetapi bangun memimpin perubahan itu dengan kejelasan visi, keutuhan nilai dan disiplin pelaksanaan. Dalam pengertian ini, konsep yang dicadangkan oleh artikel ini melangkaui fungsi sebagai gagasan akademik semata-mata. Sebaliknya, ia menawarkan satu lensa konseptual yang berpotensi memperkayakan pembangunan kepimpinan sekolah dalam era pendidikan digital yang semakin kompleks, terutama apabila sekolah berhadapan tuntutan serentak terhadap inovasi, etika, kesejahteraan dan keberhasilan.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, artikel ini menegaskan bahawa transformasi pendidikan digital yang bermakna tidak dapat dijelaskan hanya melalui dimensi kompetensi, standard dan amalan kepimpinan yang bersifat luaran. Sebaliknya, transformasi tersebut turut dipengaruhi oleh dorongan dalaman pemimpin

sekolah yang berakar pada nilai, identiti profesional dan komitmen terhadap tujuan pendidikan. Berasaskan DMP, artikel ini menghujahkan bahawa nyala rasa kepimpinan digital wajar diposisikan sebagai satu konstruk psikologi konseptual yang berfungsi sebagai faktor dalaman yang mendahului dan menggerakkan amalan kepimpinan digital pemimpin sekolah secara lebih beretika, manusiawi dan lestari.

Pada masa yang sama, artikel ini membuka ruang untuk pengembangan teori dan penyelidikan lanjutan berkaitan operasionalisasi konstruk, pembinaan instrumen dan pengujian hubungan antara nyala rasa kepimpinan digital dengan amalan kepimpinan digital, budaya organisasi digital dan keberhasilan sekolah. Dalam konteks amalan, sintesis konseptual ini turut membawa implikasi kepada institusi pembangunan profesional kepimpinan pendidikan seperti Institut Aminuddin Baki (IAB), khususnya dalam memperkukuh program seperti Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) agar pembangunan pemimpin sekolah tidak hanya tertumpu pada aspek teknikal ICT, tetapi turut menyepadukan dimensi pembinaan jiwa, ketahanan emosi dan nyala rasa kepimpinan. Oleh itu, kelestarian pendidikan digital tidak hanya bergantung pada teknologi yang digunakan, tetapi juga pada keupayaan pemimpin sekolah menggerakkan perubahan dengan kejelasan visi, kekuatan dalaman dan tanggungjawab moral terhadap pendidikan.

RUJUKAN

- AlAjmi, M. K. (2022). The impact of digital leadership on teachers' technology integration during the COVID-19 pandemic in Kuwait. *International Journal of Educational Research*, 112, 101928. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2022.101928>
- Anderson, R. E., & Dexter, S. (2005). School technology leadership: An empirical investigation of prevalence and effect. *Educational Administration Quarterly*, 41(1), 49–82. <https://doi.org/10.1177/0013161X04269517>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- Chichekian, T., Vallerand, R. J., & Rahimi, S. (2023). Investigating Emotions as a Mediator in the Transmission of Passion in Education. *Current Psychology*, 43(15), 13428–13442. <https://doi.org/10.1007/s12144-023-05335-0>
- Curran, T., Hill, A. P., Appleton, P. R., Vallerand, R. J., & Standage, M. (2015). The psychology of passion: A meta-analytical review of a decade of research on intrapersonal outcomes. *Motivation and Emotion*, 39(5), 631–655. <https://doi.org/10.1007/s11031-015-9503-0>
- Gilal, F. G., Channa, N. A., Gilal, N. G., Gilal, R. G., & Shah, S. M. M. (2019). Association between a teacher's work passion and a student's work passion: A moderated mediation model. *Psychology Research and Behavior Management*, 12, 889–900. <https://doi.org/10.2147/PRBM.S212004>
- Goh, K. M. (2025). Assessing digital leadership of middle leaders in Malaysian schools: A quantitative study. *Journal of Research, Innovation, and Strategies for Education (RISE)*, 2(2), 1–10. <https://doi.org/10.70148/rise.v2i2.21>
- Goh, K. M., & Mansor, M. (2024). Unpacking the realities of digital leadership among school leaders: A quantitative study. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(4). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i4.2801>
- Hamzah, N. H., Mohd Radzi, N., & Omar, I. M. (2025). Development of a digital leadership competency model for school principals in Malaysia: A needs analysis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10(57), 213–234. <https://doi.org/10.35631/ijepc.1057014>
- Institut Aminuddin Baki. (2021). *Standard Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia 2.0 (KOMPAS 2.0)*.
- International Society for Technology in Education (ISTE). (2018). *ISTE standards for education leaders*. <https://www.iste.org/standards/for-education-leaders>

- Jaakkola, E. (2020). Designing conceptual articles: Four approaches. *AMS Review*, 10(1–2), 18–26. <https://doi.org/10.1007/s13162-020-00161-0>
- Jemaah Nazir. (2024). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Kualiti@Sekolah*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Dasar Pendidikan Digital* (1st ed.). Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan. <https://www.moe.gov.my/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2025). *Teks perutusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan bersempena dengan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-54 Tahun 2025*.
- Leithwood, K., Sun, J., & Schumacker, R. (2020). How school leadership influences student learning: A test of “The Four Paths Model.” *Educational Administration Quarterly*, 56(4), 570–599. <https://doi.org/10.1177/0013161X19878772>
- Moè, A. (2016). Harmonious passion and its relationship with teacher well-being. *Teaching and Teacher Education*, 59, 431–437. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2016.07.017>
- OECD. (2023). *OECD Digital Education Outlook 2023: Towards an effective digital education ecosystem*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/c74f03de-en>
- Rasdiana, Nurhadi, T., Muh. Ilham Akbar, B., Salim, F. A., Novitasari, A. T., Cholidah, R. N., Susanto, K., Ma’rifatin, S., Rawe, N. S. H. A., Paranoan, C. A. C., Sartika, R. P., Kadju, M. D. P., & Habibah, L. B. (2024). The effect of digital leadership in nurturing teachers’ innovation skills for sustainable technology integration mediated by professional learning communities. *Journal of Infrastructure, Policy and Development*, 8(10). <https://doi.org/10.24294/jipd.v8i10.8480>
- Sheninger, E. C. (2014). *Digital leadership: Changing paradigms for changing times* (1st ed.). Corwin Press.
- Vallerand, R. J. (2008). On the psychology of passion: In search of what makes people’s lives most worth living. *Canadian Psychology*, 49(1), 1–13. <https://doi.org/10.1037/0708-5591.49.1.1>
- Vallerand, R. J. (2010). On passion for life activities. In *Advances in Experimental Social Psychology* (M. P. Zanna, pp. 97–193). Academic Press. [https://doi.org/10.1016/S0065-2601\(10\)42003-1](https://doi.org/10.1016/S0065-2601(10)42003-1)
- Vallerand, R. J. (2015). *The psychology of passion: A dualistic model*. Oxford University Press.
- Zeng, M., Cheah, K. S. L., & Abdullah, Z. (2025). The influence of school principals’ digital leadership on teachers’ competency in integrating artificial intelligence: A systematic thematic review. *Frontiers in Education*, 10. <https://doi.org/10.3389/feduc.2025.1655967>